

Kisah Abdul Aziz Ishak Dari Trong Yang Berani

By Mohd Halmi Kg Gajah - 20 July 2020



Aziz Ishak adalah merupakan adik kepada Yusof Ishak yang merupakan Presiden pertama di Singapura dan beliau dilahirkan di Trong, Perak dalam tahun 1913.

Tokoh yang ingin diceritakan dalam artikel kali ini adalah merupakan waris dari keturunan Dato Jenaton yang merupakan bangsawan Minangkabau yang telah berhijrah ke Pulau Pinang sewaktu zaman Sultan Muhammad Jiwa (Sultan Kedah ke 9).

Ayahnya yang bernama Ishak bin Ahmad adalah orang Asia pertama yang dilantik sebagai Pemangku Pengarah Jabatan Perikanan bagi Negeri-Negeri Selat dan Melayu Bersekutu.




Mereka sekeluarga telah mengikut ayahnya berpindah ke Singapura dalam tahun 1923. Aziz telah bersekolah rendah di Victoria Bridge School dan seterusnya meyambung pelajaran di Raffles Institution.

Aziz Ishak pernah berkerja sebagai Pegawai Perikanan sewaktu ketika usia mudanya dan pada tahun 1935 ketika berusia 22 tahun, beliau telah diarahkan untuk bertugas di Kuala Kurau, Perak.

Tersebutlah satu riwayat sewaktu zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu, beliau yang pada waktu itu sedang menjawat jawatan sebagai Ketua Bahagian Perikanan di Majlis Pemandaran, Singapura.

Aziz Ishak telah dipukul oleh Kempeitai Jepun kerana enggan memberikan lesen kelong kepada seorang pemborong yang merupakan tentera laut Jepun kerana hendak berniaga di tempat yang telah dikhaskan untuk nelayan-nelayan tempatan.



Sebelum pegawai Jepun tersebut hendak marah dan memukulnya, Aziz Ishak telah mencampakkan sebuah fail ke mukanya. Tindakan beliau itu telah menyebabkan beliau dibawa ke dalam sebuah bilik dan ditumbuk serta diterajang selama 20 minit sehingga menyebabkan hidungnya berdarah.

Selepas Jepun menyerah kalah, abangnya iaitu Yusof Ishak telah menjemputnya untuk

Pegawai Perikanan.

Dalam tahun 1946, Aziz Ishak bersama-sama dengan Thaharuddin dan A. Samad Ismail telah menubuhkan Gerakan Angkatan Melayu Muda (GERAM) di Singapura yang cenderung kepada pro Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

Pada tahun 1951 pula, Aziz Ishak selaku wakil Utusan Melayu telah ditugaskan untuk ke London supaya dapat buat liputan tentang pertabalan Queen Elizabeth II.

Diceritakan bahawa Aziz Ishak telah melaporkan Perdana Menteri Britain, Winston Churchill sering duduk dan bangun ketika upacara pertabalan. Beliau juga telah menyifatkan upacara pertabalan tersebut seperti wayang Cina kerana beberapa pekerja menyapu sampah permaidani ketika acara pertabalan berlangsung.

Akibat daripada laporan beliau itu, Sir Gerald Templer yang merupakan Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya telah memanggil Aziz ke pejabatnya untuk soal siasat.

Sewaktu di dalam bilik tersebut, Aziz Ishak telah digelar sebagai "rat reporter" (wartawan tikus) oleh Templer. Ketika mahu keluar dari bilik, Templer terus memaki dan mencabarnya agar pertengkaran mereka itu dilaporkan di dalam dada akhbar Utusan Melayu.



Aziz Ishak menjawab, beliau akan menulis kejadian ini lalu menghempaskan pintu dengan kuat tetapi malangnya hanya berbunyi perlahan kerana pintu tersebut mempunyai spring untuk menghalang hentaman.

Setelah menyertai pelbagai pertubuhan politik sejak muda seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM), GERAM, UMNO dan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP), akhirnya dalam tahun 1953, Aziz Ishak telah dilantik sebagai Menteri Pertanian, Perikanan dan Syarikat Kerjasama di bawah Kabinet Tunku Abdul Rahman.

Ketika Khir Johari bertugas di luar negeri, beliau telah memangku jawatan Menteri Pelajaran. Satu peristiwa telah berlaku berkenaan dengan pelajar-pelajar Maktab Perguruan Bahasa telah mengadakan mogok kerana membantah tindakan pengetuanya seorang pegawai berbangsa Inggeris.

Sebuah Jawatankuasa ditubuhkan dan Aziz Ishak dan beliau telah mengambil tindakan tegas dengan melucutkan jawatan Pengetua tersebut. Selain itu, beliau juga telah menukarkan nama Sekolah Umum (nama yang diberikan oleh Khir Johari) kepada Sekolah Kebangsaan yang dipakai hingga hari ini.

Dalam tahun 1961, Aziz Ishak selaku Menteri Pertanian telah mencadangkan Penubuhan Kilang Baja Urea milik kerajaan untuk membantu petani-petani miskin di kampung-kampung.

Malangnya, cadangan beliau itu tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman dengan alasan ianya memerlukan perbelanjaan yang cukup besar dan Aziz Ishak pula beranggapan Tunku mahu mempertahankan kilang baja milik British daripada sebarang persaingan.

INSTITUTE OF CURRENT WORLD AFFAIRS

GDN-24

Aziz Ishak and the
Anti-British Spirit

12 Road 5/35
Petaling Jaya, Selangor
Malaya
30 March 1963

Mr. Richard H. Nolte
Institute of Current World Affairs
366 Madison Avenue
New York 17, New York

Dear Mr. Nolte,



Abdul Aziz bin Ishak is easily the most controversial of the modern Malayan leaders. One-time journalist and newspaper publisher, younger brother of the Yang Di-Pertuan Negara (constitutional head of State of Singapore), from a good family and well-educated, Aziz is a Malayan brand of the modern nationalist intellectual. Instrumental in forming the United Malay Nationalist Organization (UMNO), nominated member of the British-controlled Legislative Council and elected member of the independent Malayan Parliament, he fought for independence and became one of the modern intellectuals in power. As the country's Minister of Agriculture he worked tirelessly, if not always effectively, to better the lot of the Malayan peasant. His wide travels in Malaya and his constant campaigning through his Ministry won him considerable popularity among the rural people and a loyal following among many, but not all, of his officers.

Aziz' outspokenness and his tireless energy have also won him powerful enemies. His proposal to create a co-operative fertilizer factory, which he continued to press over the objections of the cabinet and the Prime Minister, brought him into opposition with the Imperial Chemicals Industries (ICI), one of the most powerful and well-organized of the British economic interests in Malaya. His unqualified allegations of corruption in departments of his own ministry have demoralized some of his staff. His combined anti-capitalist and anti-Chinese sentiments, with their policy implications, have brought him into conflict with the Malayan Chinese Association (MCA), the Chinese wing of his own ruling Alliance Party. His success in building up a rural following brought him into conflict with the Deputy Prime Minister, Tun Abdul Razak. This last was perhaps the most significant conflict because it essentially concerned the question of who would be the next Prime Minister.

Pertikaian itu berlanjutan sehinggalah Aziz Ishak telah dipindahkan ke Kementerian Kesihatan. Namun, Aziz Ishak telah menolak perlantikan tersebut dan tindakan beliau itu akhirnya telah membawa kepada pertembungan terbuka.



Tunku memecat Aziz Ishak pada tahun 1963 sebagai ahli UMNO. Dengan itu, jawatan Menteri yang disandangnya selama tujuh tahun setengah gugur secara automatik dan beliau telah menjadi rakyat biasa yang tidak mempunyai apa-apa jawatan. Al Fatihah untuk Abdul Aziz Ishak.

Sumber:

- Zainuddin Maidin, Di Depan Api, Di Belakang Duri, Kisah Sejarah Utusan Melayu 2013.
- Adam A Kadir, Aziz Ishak; Dewan Masyarakat 1979
- Abdul Aziz Ishak, Mencari Bako ,1983



 **Komen**

Mohd Halmi Kg Gajah